

KESEIMBANGAN ANTARA KELESTARIAN ALAM SEKITAR DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA MODEN MENURUT PERSPEKTIF MAQASID AL-SHARIAH

THE BALANCE BETWEEN ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY AND MODERN NATIONAL DEVELOPMENT ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF MAQASID AL-SHARIAH

Muhamad Zuhaili bin Saiman^{1*}

¹Academy of Contemporary Islam Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, mdzuhaili@uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 02 Jan 2024

| Selepas Pembetulan: 30 April 2024

| Diterima untuk terbit: 27 Mei 2024

Abstrak

Pembangunan negara moden sewajarnya tidak mengesampingkan isu berkaitan kelestarian alam sekitar. Pemodelan tanpa kelestarian alam sekitar akan mencacatkan ekosistem dunia secara fitrah. Kerakusan terhadap pemodenan tanpa keseimbangan dengan kelestarian alam hanya menatijahkan kerosakan demi kerosakan dan bencana alam yang akhirnya memangsakan manusia itu sendiri. Objektif kajian ini bertujuan untuk membincangkan keseimbangan antara kelestarian alam sekitar dengan pembangunan negara moden menurut perspektif maqasid al-shariah menerusi kajian ke atas nas-nas di dalam al-Quran dan al-hadith. Metodologi kajian ini adalah berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan menerusi analisis kandungan ke atas ayat-ayat al-Quran dan al-hadith. Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah secara induktif untuk mencapai tema penting dalam keseimbangan yang difokuskan dalam penjagaan kelestarian alam sekitar dengan pembangunan negara moden. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa kelestarian alam sekitar sangat berkait rapat dengan pembangunan negara moden yang mendatangkan kesejahteraan dan kebaikan kepada manusia dan negara itu sendiri. Keseimbangan antara dua perkara ini merupakan agenda penting dan utama yang mesti dilaksanakan secara tanggungjawab yang kolektif bagi memastikan penjagaan-penjagaan keperluan asas yang memenuhi perspektif maqasid al-shariah.

Kata kunci

Kelestarian Alam Sekitar, Keseimbangan, Kesejahteraan, Maqasid al-Shariah, Negara Moden

Abstract

The development of a modern country should not ignore issues related to environmental sustainability. Modernization without environmental sustainability will naturally damage the world's ecosystems. Greed towards modernization without balance with the sustainability of nature only leads to damage after damage and natural disasters that ultimately prey on humans

themselves. The objective of this study is to discuss the balance between the sustainability of the environment and the development of a modern country according to the perspective of maqasid al-shariah through the study of texts in the Qur'an and al-hadith. The methodology of this study is based on a qualitative research design based on literature research through content analysis of the verses of the Quran and al-hadith. The analytical method used in this study is inductively to achieve an important theme in the balance focused on the care of environmental sustainability with modern national development. The results of this study show that environmental sustainability is closely related to the development of a modern country that brings prosperity and good to people and the country itself. The balance between these two things is an important and main agenda that must be implemented in a collective responsibility to ensure the care of basic needs that meet the perspective of maqasid al-shariah. **Keyword:**

Keywords

Environmental Sustainability, Balance, Wellbeing, Maqasid al-Shariah, Modern Nation

1. Pendahuluan

Bumi dan alam sekitarnya diciptakan oleh Allah adalah untuk tempat tinggal manusia dan ia merupakan perhiasan, kemudahan dan barang untuk dimanfaatkan dalam kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 36 :

وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ

Maksudnya:

".. dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati)."

Segala-gala ciptaan Allah atas alam ini bagi memberikan manfaat kepada manusia digunakan untuk kehidupan manusia. Manusia yang tugaskan selaku khilafah mengurus tadbir alam ini dengan cara yang baik berpandukan petunjuk wahyu Ilahi. Setiap kejadian alam ini menunjukkan kekuasaan Allah atas menciptakan sesuatu. Selain itu kewujudan alam juga menjadi dalil kepada kewujudan Allah serta kebijaksanaan-Nya dalam mengatur dan urus tadbir alam agar manusia memikirkannya. Alam sekitar ini menjadi bahan mentah kepada manusia untuk diterokai dan dimanfaatkan dengan baik dalam membangunkan kehidupan yang sentiasa berkembang. Sekaligus alam sekitar yang wujud ini merupakan salah satu kurniaan Allah atas rahmat dan ihsan-Nya kepada manusia sebagai bekalan mempermudah urusan kehidupan manusia itu sendiri.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 164 :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ

النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ
وَتَصْرِيْفِ الرِّيحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لِقَوْمٍ لَّيَقُولُونَ

Maksudnya :

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Dia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran."

Justeru, kerancakan manusia menguruskan dunia dan masing-masing membangunkan negara menjadi negara yang moden, menjadi masalah apabila sikap tidak berhati-hati dan kerakusan yang wujudnya, menatijahkan kerosakan alam yang ada. Menjadikan pembangunan negara moden tidak seimbang dengan kelestarian alam sekitar yang perlu dipelihara dan dipulihara. Ini kerana, kerosakan alam sekitar akan menyebabkan bencana berlaku disebabkan ekosistem alam tidak lagi dalam keadaan yang baik. Akhirnya akan menyebabkan berlakunya banjir lumpur, tanah runtuh, pemanasan global serta kepupusan haiwan ekoran hilangnya habitat yang menjadi tempat tinggal serta pelbagai lagi.

2. Memelihara Bumi Dari Perspektif Islam

2.1 Larangan Merosakkan Alam Sekitar

Alam sekitar merupakan nikmat Allah yang mesti dipelihara dari sebarang tindakan yang membawa kerosakan dalamnya (Faezy, Nurul Hanani, Al-Aswa & et. el, 2023). Apa sahaja nikmat Allah maka ia diurus untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan kemudahan yang ada dan juga membantu kehidupan ke arah lebih baik bersesuaian dengan kehendak fitrah manusia yang dikurniakan. Maka penggunaan alam sekitar untuk dimanfaatkan dalam kehidupan manusia tidaklah dilarang malah ia termasuk dalam maksud urus tadbir muka bumi Allah namun batasannya jangan sehingga berlakunya kerosakan dan kemusnahan alam ekoran aktiviti yang dilakukan tidak terkawal dan tidak terancang. Begitu juga jika wujud jiwa yang rakus dalam mementingkan material dan kepentingan lain yang akhirnya membawa kepada kerosakan alam atas nama pembangunan yang lebih moden namun hakikatnya tidak.

Larangan merosakan alam sekitar dinyatakan menerusi firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 56 :

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ حَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya :

"Dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (jika tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya diperkenankan). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya."

Segala kerusakan termasuk membinasakan tanaman dan termakan adalah tidak disukai oleh Allah SWT. Ia dapat difahami menerusi firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 205 :

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ

Maksudnya :

"Kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusaha ia di bumi, untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia; sedang Allah tidak suka kepada bencana kerusakan."

al-Qurtubi (2006) menyatakan kerusakan dalam ayat di atas adalah berbentuk umum termasuklah kehancuran, kebinasaan dan juga pencemaran yang dilakukan. Begitu juga larangan Allah SWT melakukan kerusakan alam sekitar menerusi ayat berikut Surah Al-Baqarah ayat 60:

كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Maksudnya :

"Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerusakan di muka bumi".

Hakikatnya, Allah menegur sikap manusia yang melakukan kerusakan. Bencana yang terjadi di bumi ini adalah disebabkan manusia yang bersikap melampau dengan tidak mengambil berat isu pemeliharaan alam. Akhirnya aktiviti yang tidak terkawal dan melampau penyebab kepada bencana alam disebabkan ekosistem sudah lagi tidak berada dalam keadaan yang normal dan baik. Allah Perkara ini dijelaskan menerusi teguran dari Allah SWT kepada manusia. Kerosakan berlaku apabila sesuatu yang fitrah kejadian telah diubah dan lari dari sistem yang asal. Ini dapat dilihat kepada beberapa faktor penyebab :

1. Mengubah ciptaan Allah dan melanggar fitrah asal. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 119:

وَلَا ضَلَّيْنَهُمْ وَلَا مَمِيئَتَهُمْ وَلَا مَرَهُمْ فَلْيُبَيِّتْكُنَّ أَذَانَ الْأَنْعَمِ وَلَا مَرَهُمْ فَلْيَعْرِزَنَّ حَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ
الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا

Maksudnya :

"Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah". Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata."

2. Wujud kerakusan dan hanya menurut hawa nafsu tanpa pedoman agama. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Mu'minun ayat 71:

وَلَوْ أَتَبَعَ الْحَقُّ أَهْوَاءَهُمْ لَفَسَدَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ بَلْ أَتَيْنَاهُمْ
بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَنْ ذِكْرِهِمْ مُعْرِضُونَ

Maksudnya :

"Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang adanya. (Bukan sahaja Kami memberikan agama yang tetap benar) bahkan Kami memberi kepada mereka Al-Quran yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka Al-Quran yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya".

3. Tidak cakna dengan isu kebersihan dan keindahan yang menyebabkan berlakunya kekotoran dengan pencemaran, pembuangan sisa, sampah dan toksik yang tidak mengikut saluran yang betul. Kesemua ini boleh menyebabkan alam sekitar rosak binasa dan berlakunya musibah wabak penyakit dan lain-lain. Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ يُحِبُّ الطَّيِّبَ ، نَظِيفٌ يُحِبُّ النَّظَافَةَ ، كَرِيمٌ يُحِبُّ الْكَرَمَ ، جَوَادٌ يُحِبُّ الْجُودَ ،
فَنَظِّفُوا ، أَرَاهُ قَالَ ، أَفْنَيْتَكُمْ وَلَا تَسْبَهُوا بِالْيَهُودِ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan

ia menyukai kedermawanan maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi." - riwayat at-Tirmizi [Al-Tirmi>z]i>, Sunan al-Tirmi>z]i>, Abwa>b al-Ada>b Ba>b ma> Ja>'a fi> al-Naz)a>fah, no hadith 2799]

4. Sikap melampaui batas dan berlaku ketidakseimbangan dalam sesuatu urusan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 31:

﴿يٰۤاٰدَمُ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا ۗ اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ

Maksudnya :

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas."

5. Berlaku sikap bazir dan boros serta bakhil sehingga memberikan kesan negatif kepada alam sekitar, sedangkan kedua-dua sifat ini dilarang oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam Surah Al-Isra' ayat 27:

اِنَّ الْمُبَدِّرِيْنَ كَانُوْا اِخْوَانَ الشَّيْطٰنِ ۗ وَكَانَ الشَّيْطٰنُ لِرَبِّهٖ كَفُوْرًا

Maksudnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

Begitu juga firman Allah SWT mengenai larangan bakhil lagi kedekut sehingga tersekat sesuatu manfaat yang sepatutnya dikeluarkan atau diuruskan. Allah SWT berfirman dalam Surat Al-Isra' 29 :

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُوْلَةً اِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُوْمًا مَّحْسُوْرًا

Maksudnya :

"Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggalah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan."

5. Kufur kepada nikmat Allah sehingga mensia-siakannya dan merosakkannya. Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim ayat 28 :

﴿ أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ بَدَّلُوا نِعْمَتَ اللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ ۗ

Maksudnya :

"Tidakkah engkau melihat (dan merasa ajaib) terhadap orang-orang kafir yang telah menukar kesyukuran nikmat Allah dengan kekufuran, dan yang telah menempatkan kaum mereka dalam kebinasaan?"

Lihat bagaimana kehancuran Kerajaan Saba' yang dirakamkan oleh Allah kerana kekufuran mereka terhadap nikmat yang Allah berikan pada mereka. Firman Allah SWT dalam Surah Saba' ayat 15 - 17:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ ۗ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ * فَأَعْرَضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِى أُكُلٍ خَمْطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ * ذَٰلِكَ جَزَيْنَاهُمْ بِمَا كَفَرُوا ۗ وَهَلْ نُجْزِي إِلَّا الْكَافِرَ

Maksudnya :

"Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!. Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara. Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka; dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang amat kufur."

2.1 Pemuliharaan Alam Sekitar

Secaras asas keseimbangan ekosistem alam persekitaran alam mesti dijaga dengan baik. Ia bagi memastikan tidak terjadi musibah disebabkan tangan-tangan manusia itu sendiri angkara penjarahan dan pencabulan ke atas alam sekitar ini. Menurut al-Qaradhawi (2001), pemeliharaan alam sekitar menurut Islam dilaksanakan dengan :

1. Penghijauan dan tanaman. Faedah dua cara ini ialah menerusi manfaat dari tanaman, di mana hasilnya sudah pasti dapat dinikmati dan dirasai. Begitu juga

dengan landskap yang indah lagi cantik di mana tanaman yang menghijau, menjadikan sesuatu kawasan nampak cantik dan indah malah segar. Malah ia menjadikan ekosistem alam dalam keadaan baik yang menjadikan manusia serta haiwan mendapat manfaat darinya. Ini kerana selain manusia, haiwan mempunyai habitat yang perlu dijaga agar dapat terus hidup membiak. Apa yang ada di bumi ini merupakan manfaat kepada manusia dan juga haiwan.

Anas bin Malik meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

ما مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَيْمَةٌ؛ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ
صَدَقَةٌ

Maksudnya :

“Sesiapa daripada orang muslim yang menanam tanam-tanaman dan hasilnya dimakan oleh burung atau manusia ataupun binatang maka baginya mendapat pahala sedekah.”

[al-Bukha>ri>, S}ah}i>h} al-Bukha>ri>, Kita>b al-Muza>ra'ah, Ba>b Fad}l al-Z}ar' wa al-Ghars iz}a> Akala minh, no hadith 2320]

2. Memakmurkan dunia dengan menghidupkan tanah yang terbiar dengan tanaman dan menjaga sumber alam (Mohd Takiyuddin, Ahmad Jamil, Huzaimah & Mohd Shahrudin, 2023). Terdapat galakkan usaha untuk menghidupkan tanah dari dibiarkan begitu sahaja. Kerana jika dibiarkan tanpa dimakmurkan maka ia tidak mendatangkan manfaat. Tanah berpotensi dibangunkan sama ada dengan pertanian, pembangunan dan juga sudut rekreasi. Membiarkan tanah terbiar begitu sahaja, maka ia adalah disia-siakan. Sebab itu, galakan menghidupkan tanah yang terbiar adalah besar manfaatnya. Jabir meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

من أحيا أرضاً ميتة فهي له

Maksudnya :

"Barang siapa yang mengolah lahan tanah mati maka tanah tersebut beralih menjadi miliknya"

[al-Tirmi>z}i>, Sunan al-Tirmi>z}i>, Abwa>b al-Ah}ka>m, Ba>b ma Z}akara fi> lh}ya> Ard} al-Mawa>t, no hadith 1379]

3. Kebersihan dan penyucian. Islam memandang tinggi kepada kebersihan dan penyucia. Bermula dengan tubuh manusia itu sendiri sehinggalah kepada tempat sekeliling serta alam sekitar. Kata kuncinya, jika manusia itu mementingkan

kebersihan dan penyucian diri maka ia akan turut menjaga kebersihan alam sekitar yang merupakan tempat tinggalnya. Sebab itu, dapat kita lihat Islam amat menitik beratkan soal kebersihan ini dengan memberikan ganjaran-ganjaran seperti pahala sunat mandi sebelum jumaat, kebersihan mulut dengan sunat bersiwak dan sebagainya. Abu Malik al-'Asy'ari meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Maksudnya:

"Bersuci itu adalah antara ciri-ciri keimanan."

[Muslim, *Sahih Muslim*, Kita>b al-Toha>rah, Ba>b Fadl al-Wudu>', no hadith 223]

4. Penjagaan sumber alam. Islam menegah manusia daripada merosakkan atau mencemarkan sumber-sumber alam yang terdapat dalam bumi, daratan ataupun dalam laut. Bumi yang merupakan hasil manfaat untuk kehidupan manusia mesti diurus dengan hemah dan berdisiplin. Jangan hanya mahukan pembangunan material namun alam sekitar dilenyapkan. Maka fenonema alam seperti pemanasan global, banjir lumpur serta tanah runtuh apabila tiada lagi hutan ditebang dan bukit ditarah sewenang-wenangnya. Peringatan berlakunya kerosakan bumi adalah dari sikap manusia itu. Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ
يَرْجِعُونَ

Maksudnya :

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

5. Penjagaan kesihatan manusia. Sekiranya Islam mementingkan penjagaan sumber alam, maka penjagaan sumber manusia adalah terlebih penting. Orang mukmin yang kuat lebih baik daripada mukmin yang lemah. Islam juga menyeru kepada manusia untuk berubat sekiranya sakit. Kanak-kanak juga tidak terkecuali daripada penjagaan kesihatan kerana mereka adalah pemimpin dan orang dewasa pada masa depan.

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ، إِحْرَاصٌ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ
وَأَسْتَعِينُ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ
قُلْ: قَدَّرَ اللَّهُ وَمَا شَاءَ فَعَلْ، فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya :

"Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allah SWT daripada Mukmin yang lemah; dan pada keduanya ada kebaikan. Bersungguh-sungguhlah untuk mendapatkan apa yang bermanfaat bagimu dan mintalah pertolongan kepada Allah (dalam segala urusanmu) serta janganlah sekali-kali engkau merasa lemah. Apabila engkau tertimpa musibah, janganlah engkau berkata, Seandainya aku berbuat demikian, tentu tidak akan begini dan begitu, tetapi katakanlah, Ini telah ditakdirkan Allah, dan Allah berbuat apa saja yang Dia kehendaki, kerana ucapan "kalau" akan membuka (pintu) perbuatan syaitan."

[Muslim, *Sjah*] Muslim, *Kita* al-Qadr, *Ba* al-Amr bi al-Quwwah wa Tark al-'Ajz wa al-Isti'ana bilillah wa Tafwid al-Maqaadir lillah, no hadith 2664]

6. Ihsan dengan alam sekitar. Ihsan bererti bersungguh-sungguh dan berlemah lembut. Selayaknya bagi manusia bersifat ihsan dengan kedua-dua makna di atas terhadap manusia sendiri, haiwan, pokok bahkan semua alam baik yang hidup mahupun yang kaku dan kekal seperti tanah, air dan sebagainya. Sifat ihsan sangat ditekankan di dalam Islam sehingga Rasulullah SAW sangat menitik beratkan sifat ihsan sekalipun dalam penyembelihan. Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ،
وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، وَلْيُرِخْ ذَبِيحَتَهُ

Maksudnya :

"Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ihsan atas tiap-tiap sesuatu. Apabila kamu membunuh, maka elokkanlah penyembelihan. Dan hendaklah seorang kamu menajamkan mata pisanya dan hendaklah ia melapangkan binatang sembelihannya."

[Muslim, *Sjah*] Muslim, *Kita* al-Sayd wa al-Zaba'ih wa ma Yu'kal min al-Hayawan, *Ba* al-Amr bi l-hisa al-Zabih wa al-Qatl wa Tahdid al-Syafrah, no hadith 1955]

7. Penjagaan alam sekitar daripada kerosakan. Islam meletakkan orang yang melakukan kerosakan di atas muka bumi sebagai perbuatan haram dan mungkar sama ada kerosakan itu kerana sengaja, marah, tanpa sebab dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 56 – 57 :

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ حَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ
* وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقَلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ
فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya :

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya. Dan Dia lah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya)."

8. Keseimbangan alam sekitar. Perkara yang paling penting dalam penjagaan alam sekitar ialah penjagaan keseimbangannya. Manusia mestilah bersikap adil, tidak terlalu melampau dan tidak terlalu bermudah-mudah sehingga dengan dua sikap ini menyaksikan alam sekitar rosak tanpa pembelaan. Orang yang terbaik adalah mereka berjaya melakukan keseimbangan dalam pengurusan dunia dan akhiratnya. Anas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

لَيْسَ بِخَيْرٍ كُمْ مَن تَرَكَ دُنْيَاهُ لِآخِرَتِهِ وَلَا آخِرَتَهُ لِدُنْيَاهُ حَتَّىٰ يُصِيبَ مِنْهُمَا جَمِيعًا، فَإِنَّ الدُّنْيَا
بَلَاغٌ إِلَى الْأَخِرَةِ وَلَا تَكُونُوا كَلِّ عَلَى النَّاسِ

Maksudnya :

"Bukanlah yang terbaik di antara kamu orang yang meninggalkan urusan dunianya kerana (mengejar) urusan akhiratnya, dan bukan pula (orang yang terbaik) orang yang menhinggakan akhiratnya kerana mengejar urusan dunianya, sehingga ia memperoleh kedua-duanya, kerana dunia itu adalah (perantara) yang menyampaikan ke akhirat, dan janganlah kamu menjadi beban orang lain." –

3. Kelestarian Alam Sekitar Dalam Pembangunan Negara Moden

Setiap negara berlumba-lumba membangunkan negara masing-masing ke arah negara moden. Perubahan dunia menjadikan teknologi dan kemajuan sangat penting untuk sesebuah negara menjadi moden. Namun dalam masa yang sama, alam sekitar perlu dipelihara dan dipulihara agar ekosistem dunia berada dalam keadaan baik dan stabil. Ekosistem yang tidak stabil akan menyebabkan kerosakan dan kemusnahan dari bencana alam yang terjadi. Perkara ini sewajarnya menjadi perkara asas dalam sesuatu perancangan panjang yang dilakukan oleh setiap pemimpin negara. Pembangunan bukan hanya sekadar bersifat materialistik, namun ia bermula dengan pembangunan minda dan nilai dan seterusnya perubahan sosial. Segala keputusan yang direncanakan melibatkan penerokaan alam sekitar perlu diperhalusi secara mendalam dan mendapat pertimbangan yang sewajarnya bagi membolehkan khazanah alam yang berharga ini dapat dikekalkan keseimbangannya. Kesejahteraan kehidupan manusia di dunia ini bergantung kepada sejauh mana kesedaran mereka dalam memastikan alam sekitar tidak berhadapan dengan pencemaran dan kehabisan sumber alam (Khairul Azhar, 2018).

Menjadi cabaran dalam pembangunan bandar ialah apabila pembangunan yang berasaskan modenisasi semata-mata hanya mementingkan aspek pembangunan fizikal dan teknologi sehingga aspek pembangunan jasmani, rohani, pemikiran dan amalan penduduk kurang diberi perhatian termasuklah isu berkaitan kelestarian alam sekitar. Sebab itu, di bandar-bandar kurangnya pemandangan yang menghijau malah aspek kesihatan juga turut terancam disebabkan sekeliling yang tidak sihat seperti asap kenderaan, makanan segera dan debu-debu jalanan. Sebab itu aspek utama yang perlu diberi penekanan dalam proses pembangunan negara moden ialah menjaga dan memulihara alam sekitar supaya tidak terancam oleh kemajuan pembangunan yang berasaskan modenisasi (Jalaluddin & Mohd Asruladlyi 2014).

Idea kelestarian alam sekitar dalam pembangunan negara moden ini mestilah merangkumi kehidupan yang baik serta pembangunan bumi yang sejahtera secara seimbang. Ia mestilah merangkumi kepada komponen seperti berikut (Al-Jayyousi, 2012) :

1. Keadilan yang merujuk kepada tadbir urus dan etika menjadi asas kepada mencapai dan mengekalkan kemajuan dan untuk membinakan kehidupan yang baik.
2. Kecemerlangan yang merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan individu, organisasi dan masyarakat.
3. Nilai sosial yang merujuk kepada rangkaian sosial dari keluarga ke kejiranan dan komuniti manusia global pada umumnya.
4. Tidak melakukan kerosakan yang merujuk kepada ketidakseimbangan ini disebabkan oleh aktiviti manusia yang tidak mengganggu nilai-nilai ekologi dan etika.

Negara moden yang diidamkan ialah pembangunan yang dijalankan adalah seimbang dengan kecemerlangan dalam kelestarian alam sekitar. Kecemerlangan dalam kelestarian alam sekitar merujuk kepada kecekapan dari segi pengurusan terbaik dan berkualiti untuk alam sekitar. Alam sekitar yang membekalkan keperluan sumber makanan dan bahan-bahan lain perlu diuruskan dengan cekap agar ianya tidak habis atau terancam terutamanya untuk ditinggalkan kepada generasi akan

datang. Disamping itu, penguatkuasaan yang cekap terhadap alam sekitar perlu dilakukan bagi mengawal berlakunya kejadian kemusnahan alam seperti pencerobohan atau pencemaran alam yang akan mengakibatkan kesan jangka panjang terhadap persekitaran (Saleh & Amalina, 2019).

Pembangunan yang tidak menjaga soal kelestarian alam sekitar akan menyebabkan pencemaran yang membawa kesan buruk kepada kehidupan manusia itu sendiri dan juga alam. Antara jenis-jenis pencemaran yang timbul akibat dari perbuatan manusia ialah pencemaran udara, bunyi, udara dan tanah. Pencemaran ertinya apa-apa perubahan langsung atau tak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, kimia atau biologi mana-mana bahagian alam sekeliling dengan melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan hingga menjejaskan apa-apa kegunaan berfaedah, menyebabkan suatu keadaan yang merbahaya atau mungkin merbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kepada binatang, burung, hidupan liar, hidupan dalam air atau kepada tumbuh-tumbuhan (Farrah, Mohamad Haiqal, Norfadzilah & Shamsilawati, 2020).

Demi mengejar kemajuan negara dan meningkatkan taraf hidup penduduk, kegiatan ekonomi serta projek-projek pembangunan negara telah dilakukan sehingga berlakunya pencemaran udara. Isu pencemaran udara merupakan satu episod yang berterusan seiring dengan dunia industri yang kini sedang giat membangun. Hal ini turut dirasai oleh kawasan luar bandar yang menerima kesan pencemaran (Haryati, Nursyikin, Azlina, Seow & Sharifah, 2018). Selain itu, berlaku juga pencemaran sumber air hasil kegiatan pembangunan secara tidak terkawal serta kelalaian manusia dalam menjaga aset penting ini boleh mengakibatkan mereka berhadapan dengan masalah yang serius seperti kekurangan bekalan air bersih. Salah satu daripada masalah alam sekitar juga adalah pencemaran bunyi, iaitu masalah bunyi bising atau hingar. Pencemaran bunyi merupakan satu bentuk pencemaran udara yang boleh ancaman kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Lazimnya, masalah pencemaran bunyi yang menyebabkan pencemaran bunyi adalah berlaku di kawasan bandar-bandar, negara maju dan negara membangun (Farrah & et. al, 2020). Kemunculan bencana di tengah-tengah gelombang pembangunan telah memberikan ancaman besar kepada keselamatan dan ekonomi sesebuah negara (Muhammad Hilmi, Khairul Azhar, Farhat & Aizul, 2021).

4. Hubung Kait Maqasid Al-Shariah Dengan Isu Melibatkan Kelestarian Alam Sekitar

Maqasid al-shariah asasnya ialah sesuatu tujuan atau objektif dalam sesuatu tindakan atau pekerjaan. Oleh itu, dapat dikatakan maqasid adalah objektif yang ingin dicapai dalam sesuatu urusan. Apabila perkataan maqasid disandarkan kepada syariah, ia dapat dimaksudkan sebagai objektif yang ditentukan oleh syarak dalam mensyariatkan sesuatu hukum. Apabila menyebut maqasid syariah, sudah pasti akan dihubungkan kepada dua elemen penting, iaitu masalah dan mafsadah. Masalah dan mafsadah ini merupakan asal tujuan sesuatu hukum itu difardukan ke atas manusia. Intipati utama dalam perbincangan maqasid al-shariah ialah memelihara kepentingan manusia yang lima, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Sebarang tindakan bagi memelihara lima kepentingan manusia ini dinamakan sebagai maqasid hukum hakam syariah yang diwahyukan Allah SWT. Pemeliharaan itu bagi tujuan masalah manusia dan jika tidak ada unsur

pemeliharaan itu disebabkan menolak wahyu Allah SWT, maka tindakan itu terkeluar daripada maqasid hukum-hakam syariah.

Apabila kita membicarakan hal kelestarian alam sekitar pula, ia membawa maksud menetap dan mengekalkan suatu kawasan sebagai contoh hutan dalam keadaan semulajadinya. Sementara kelestarian pula merujuk kepada keadaan persekitaran dan lain-lain yang terpelihara dan tidak berubah. Maka penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dalam memelihara kelestarian alam boleh diwujudkan berdasarkan atas dasar prinsip masalah demi memelihara kepentingan awam bagi menjaga maqasid syariah (Abdul Basir, 2023).

Pemeliharaan alam sekitar berkait rapat dengan Maqasid al-Shariah. Allah menciptakan segala yang ada di muka bumi ini dengan tujuan yang bermanfaat untuk menjaga kemaslahatan bersama, maka kita perlu menjaga alam sekitar dan tidak merosakkannya sebagai bentuk kesyukuran terhadap ciptaan Allah. Al-Qaradhawi (2001) mengistilahkan alam sekitar sebagai al-bi'ah dan pemeliharaannya sebagai ri'ayah al bi'ah. Ini bermakna pemeliharaan alam sekitar perlu dilakukan dari sisi kewujudannya, baik dari sisi positif mahupun negatif, demi menjaga keseimbangan dan kelangsungan hidup di muka bumi ini. Maka kita sebagai manusia tidak seharusnya memusnahkan alam sekitar yang bertentangan dengan ajaran Islam. Salah satu bencana yang sering berlaku ialah akibat kemusnahan alam sekitar yang dilakukan oleh tangan manusia iaitu tanah runtuh, banjir, kebakaran hutan dan lain-lain.

Fenomena bencana alam yang berlaku ini adalah disebabkan oleh tanggungan manusia itu sendiri yang tidak menghargai alam sekitar dengan melakukan kerosakan kepadanya sehingga mengakibatkan ketidakseimbangan ekosistem dan mencetuskan bencana alam seperti banjir, jerebu, tanah runtuh dan lain-lain di mana ianya boleh memberikan ancaman kepada nyawa manusia secara amnya. (Fakhri et al., 2021). Islam memberi penekanan serius terhadap kestabilan dan keharmonian alam sekitar, bukannya melakukan kerosakan di muka bumi kerana Allah melarang dan membenci orang yang membuat kerosakan. Seseorang Muslim khususnya perlu memahami bahawa segala usaha untuk memelihara dan membaik pulih alam sekitar adalah sama halnya dengan usaha menjaga agama.

Hal ini kerana, segala kemungkar dan dosa mencemari dan memusnahkan alam sekitar sebenarnya mengganggu inti pati hidup beragama dan secara tidak langsung menodai kewujudan manusia di atas muka bumi ini. Ia sekaligus menyimpang daripada perintah Allah dalam konteks hubungan baik antara manusia dengan alam sekitarnya (Abu Bakar 2011). Dalam Islam juga, jenayah alam sekitar dianggap sebagai satu kesalahan yang dikelaskan sebagai melakukan kerosakan di permukaan bumi (al-fasaad fi al-'ard) (Mat Saad 2011). Kerana ia bertentangan dengan tujuan pensyariatannya sesuatu hukum iaitu untuk memelihara dan mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Justeru, melakukan kerosakan alam boleh dianggap sebagai jenayah alam sekitar dan menjadi satu kesalahan (Mohd Bakri & Azmi, 2007).

Mas Nooraini (2023) menjelaskan bahawa meskipun isu alam sekitar di lihat sebagai ilmu yang terasing dari Islam, namun hakikatnya syariah telah menyediakan garis panduan dalam merealisasikan agenda kelestarian melalui Al-Quran, Hadis dan

juga maqasid Syariah yang merupakan matlamat untuk kemaslahatan umat sejagat. Dalam masa yang sama Islam melarang sebarang bentuk tindakan yang boleh merosakkan alam sekitar dan menganggap tindakan itu sesuatu yang bertentangan dengan tuntutan syarak yang melibatkan nilai pahala dan dosa bukan hanya isu moral semata-mata.

5. Keseimbangan Antara Kelestarian Alam Sekitar Dengan Pembangunan Negara Moden Menurut Maqasid Al-Shariah

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji mendapati terdapat hubung kait antara kelestarian alam sekitar dengan pembangunan negara moden. Hubung kait ini merupakan nilai keseimbangan yang perlu dipelihara. Jika salah satunya rosak maka ia akan membawa kepada keburukan dan kemunduran. Sedangkan Allah menciptakan manusia ini sebagai khalifah untuk memakmurkan dan membangunkan muka bumi ini. Keseimbangan antara kedua ini sangat penting kerana ia akan membawa kehidupan manusia yang baik dan pembangunan negara yang sejahtera sekaligus mencapai maqasid al-shariah.

Asasnya, apa sahaja yang disyariatkan dalam Islam mempunyai tujuan atau objektifnya yang dinamakan maqasid al-shariah. Secara umum tujuan syariat ialah membawa kebaikan kepada manusia di dunia dan akhirat serta menjauhkan dari sebarang kemudaratan. Perbincangan mengenai maqasid al-shariah dalam skop daruriyat 5 adalah kepada penjagaan masalah dan penolakan mafsadah. Hubungan dengan konteks kelestarian alam sekitar dan pembangunan negara moden dapat dilihat pada urusan kehidupan dan kemanusiaan yang umumnya dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu hak al-d}aruriyya>t (keperluan manusia), hak al-h}a>jiyya>t (kepentingan manusia) serta hak al-tah}si>niyya>t (keselesaan manusia). Bagi merealisasikan tuntutan hak al-daruriyyat ini, terdapat lima bentuk pemeliharaan yang telah ditetapkan oleh Islam dikenali sebagai al-d}aruriyya>t al-khams iaitu pemeliharaan agama (h}ifz al-di>n), nyawa (h}ifz al-nafs), akal (h}ifz al-`aql), harta (hifz al-ma>l) dan keturunan (hifz al-nasl) yang sebenarnya sangat berkait rapat dengan kepentingan penjagaan alam sekitar (h}ifz al-bi>'ah). Menurut Khairul Azhar (2018) bahawa usaha penjagaan alam sekitar secara lestari membawa kepada penyempurnaan matlamat syariat Islam itu sendiri yang akhirnya akan mendatangkan maslahat serta menolak sebarang kemudaratan atau mafsadah dalam kehidupan manusia umumnya. Rajah 1 di bawah menjelaskan bagaimana hubung kait yang melibatkan keseimbangan antara kelestarian alam sekitar dengan pembangunan negara moden menurut maqasid al-shariah.

MAQASID AL-SHARIAH	KESEIMBANGAN	
	Kelestarian Alam Sekitar	Pembangunan Negara Moden
Memelihara agama (<i>h}ifz} al-di>n</i>)	Selaku hamba Allah, mensyukuri nikmat alam sekitar dengan memelihara alam ini melakukan kerosakan.	Memakmurkan dunia selaku khalifah dengan memanfaatkan sumber alam bagi keperluan, kepentingan dan keselesaan.
Memelihara nyawa (<i>h}ifz} al-nafs</i>)	Mengelakkan dari sebarang pencemaran	Membangunkan teknologi yang mementingkan

	dan faktor bencana alam disebabkan aktiviti tidak terkawal, tidak berdisiplin dan melampau yang membawa kesan negatif kepada kehidupan, kesihatan malah nyawa manusia sendiri.	pembangunan sosial dan moral kerana manusia bukannya alat tetapi jiwa yang perlu dipelihara.
Memelihara akal (<i>hifz al-'aql</i>)	Mengenali Allah menerusi tanda kekuasaan-Nya yang menciptakan alam sekitar mempunyai pelbagai hikmah, menjadikan manusia berfikir apa fungsi dan manfaat dari setiap kejadian alam sekitar.	Memperudahkan segala urusan manusia ke tahap yang lebih selesa dengan akal yang ada di samping alat moden yang membantu mempercepatkan urusan dan memberikan penyelesaian.
Memelihara keturunan (<i>hifz al-nasl</i>)	Bumi yang stabil dan baik akan mempengaruhi pertumbuhan generasi akan datang yang sihat dan sejahtera.	Kemajuan yang tidak selari dengan penjagaan alam akan merosakkan ekosistem global yang akhirnya generasi akan datang akan berada dalam keadaan tercemar.
Memelihara harta (<i>hifz al-ma>l</i>)	Kesederhanaan dari aktiviti tidak bermoral dan tidak terkawal akan lebih mendidik manusia mengurus harta dengan baik dan berhemah. Alam tidak akan rosak semata-mata sifat rakus terhadap material.	Kemunculan bencana di tengah-tengah gelombang pembangunan telah memberikan ancaman besar kepada keselamatan dan ekonomi sesebuah negara. Ini kerana bencana yang berlaku boleh membawa kerugian harta benda dan nyawa.

Rajah 1 Keseimbangan antara Kelestarian Alam Sekitar dan Pembangunan Negara Moden menurut Maqasid al-Shariah

Justeru, keseimbangan yang diharapkan antara kelestarian alam sekitar dengan pembangunan negara moden ialah pemakaian sumber kehidupan dengan cermat, berhemat, dan terbaik. Oleh itu bagi melaksanakan penggunaan sumber kehidupan yang terbaik maka memerlukan kefahaman kepada pelbagai bidang atau multidisiplin ilmu, antaranya berkaitan dengan sikap, tingkah laku manusia, adab, etika, moral, falsafah, ekologi, dan sebagainya (Seng & Jalaluddin, 2020). Untuk menjayakan keseimbangan ini maka tidak dapat tidak unsur agama mesti diterapkan dan juga

kesedaran menerusi ilmu yang memberikan kefahaman akan kepentingan ekosistem global yang stabil dan baik ke dalam pembangunan negara moden yang dirancang. Ini mesti diterapkan kepada semua peringkat bagi menjayakannya sama ada individu, keluarga, masyarakat dan pemimpin negara.

6. Penutup

Selepas menganalisis dapatan dan kajian-kajian yang berkaitan dengan alam sekitar, jelas bahawa Islam amat mementingkan soal keseimbangan antara penjagaan dan pemuliharaan alam dengan perancangan pembangunan negara moden di masa kini. Ini membuktikan penerapan nilai Islam perlu dikembang luaskan sehingga mencakupi alam sekitar kerana Islam itu sendiri syariatnya bersifat dengan kesyumulan iaitu meliputi setiap aspek kehidupan yang ada. Bagi memastikan keseimbangan alam sekitar dengan perancangan pembangunan moden di masa kini, wajar untuk dipastikan indikator tersebut berpandukan kepada maqasid al-shariah sebagaimana yang dibincangkan agar kelima-lima perkara asas yang meliputi agama – nyawa – akal – keturunan – harta dapat dipelihara dan membawa maslahat serta kebaikan dan kehidupan manusia.

Alam sekitar yang merupakan anugerah Allah sangat penting untuk dipelihara dan dipulihara. Manusia sebagai hamba Allah mesti melihat alam ini sebagai nikmat Allah yang besar dan dalam masa yang sama dipertanggungjawabkan sebagai khalifah bagi memakmurkan muka bumi Allah dengan panduan agama-Nya. Keseimbangan antara dua perkara ini dengan menurut maqasid al-shariah akan membawa datang maslahat dari aspek pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tanpa keseimbangan ini, manusia akan mensia-siakan alam ini dari dimakmurkan ke arah negara moden bagi keperluan, kepentingan dan keselesaan manusia. Tanpa keseimbangan juga, sifat rakus yang ada dalam diri mengejar materialistik hanya akan mengundang bala bencana dan musibah serta pencemaran yang hanya mendatangkan kemudaratan kepada manusia itu sendiri. Manusia perlu mengurus alam ini dengan memastikan ekosistem global dalam keadaan sihat dan stabil. Islam tidak menghalang kemajuan tetapi memandu kemajuan dengan memastikan manusia memperoleh maslahat dan terhindar dari mudarat.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Basir Mohamad. (2023). Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-11, Ekologi, Habitat Manusia & Perubahan Persekitaran di Alam Melayu. Hlm. Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA) UKM. 155-168

al-Bukha>ri>, *S}ah}i>h} al-Bukha>ri>, Kita>b al-Muza>ra'ah, Ba>b Fad}l al-Z}ar' wa al-Ghars iz}a> Akala minh, no hadith 2320. <https://hadithprophet.com/hadith-33105.html>*

Al-Qaradhawi, Yusuf. (2001). Ri'ayah al-Biah fi Syariah al-Islam. Kaherah : Dar al-Shoruq

Al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. (2006). Al-Jami' li al-Ahkam al-Qur'an al-Karim. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.

- Al-Jayyousi, O. R. (2012). *Islam and Sustainable Development: New Worldviews*. Surrey, England: GOWER.
- Al-Tirmidzi, Sunan al-Tirmidzi, Abwab al-Ada' Ba' ma' Ja' a fi' al-Naz'a'ah, no hadith 2799. <https://hadithprophet.com/hadith-61001.html>
- al-Tirmidzi, Sunan al-Tirmidzi, Abwab al-Ah'ka'm, Ba' ma' Zakara fi' Ih'ya' Ard' al-Mawa't, no hadith 1379. <https://hadithprophet.com/hadith-59578.html>
- Fakhri, Sungit, Rosli, Mokhtar, Hairullfazli, & Mohammad Som. (2021). Kelestarian Alam Sekitar dan Pemeliharaan Menurut Maqasid Syariah. *International Conference on Syariah and Law*.
- Farrah Wahida Mustafar, Mohamad Haiqal Danial Hamdan, Norfadzilah Jusoh & Shamsilawati Mustafar. (2020). Penjagaan Alam Menurut Maqasid Syariah dan Undang-undang. *Journal of Law & Governance*. Vol. 3. No. 1. Pp. 96-112.
- Faezy Adenan, Nurul Hanani Fadzil, Al-Aswa Ab Latif, Muhammad Hamizan Ab Hamid, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli. (2023). Dharuriyat al-Khams dan Hubungannya dengan Menjaga Alam Sekitar. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. Vol. 3. No. 2 (2023): 38-47.
- Haryati Shafii, Nursyikin Miskam, Azlina Md Yassin, Seow Tawee & Sharifah Meryam Shareh Musa. (2018). Status kualiti udara di beberapa kawasan luar bandar terpilih di negeri Johor. *International Conference of Tourism, Business & Technology, Sabah, 1-17*
- Ibn 'Asakir, Abu al-Qasim. (t.th). *Tarikh Dimashq. – Islamweb.net* : https://www.islamweb.net/ar/library/index.php?page=bookcontents&flag=1&bk_no=304&ID=15222
- Jalaluddin, A. M. & Mohd Asruladlyi, I. (2014). Dualisme masyarakat bandar pengetahuan era k-ekonomi. *e-Bangi* 9(2): 024–047. doi:10.4324/9781315853178
- Khairul Azhar Meerangani. (2018). Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Isu-isu Semasa Islam dan Sains*. https://www.researchgate.net/profile/Khairul-Meerangani/Publication/323118346_Kepentingan_Penjagaan_Alam_Sekitar_Menurut_Perspektif_Maqasid_Syariah/Links/5a80e844aca272a73769ea6c/Kepentingan-Penjagaan-Alam-Sekitar-Menurut-Perspektif-Maqasid-Syariah.Pdf
- Mas Nooraini Hj Mohiddin. (2023). Garis Panduan Syariah Dalam Merealisasikan Agenda Kelestarian. Muzakarah Cendekiawan Nusantara kali ke-17 di Holiday Inn Atrium, Singapura (30 Mei - 1 Jun 2023). Link : [https://muzakarah.inceif.edu.my/kertas-kerja-slide/Sesi%20%20-%20Garis%20Panduan%20Syariah%20Alam%20Sekitar%20\(Dr%20Hjh%20Mas%20Noraini\)%20Kertas%20Kerja.pdf](https://muzakarah.inceif.edu.my/kertas-kerja-slide/Sesi%20%20-%20Garis%20Panduan%20Syariah%20Alam%20Sekitar%20(Dr%20Hjh%20Mas%20Noraini)%20Kertas%20Kerja.pdf)
- Mohd Bakri, Ishak & Azmi, Sharom. (2007). *Undang-Undang Alam Sekitar, Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia*. Jld 8. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Takiyuddin Ibrahim, Ahmad Jamil Jaafar, Huzaimah Ismail & Mohd Shahrudin Mohmud. (2023). Hima dan Pemeliharaan Alam Sekitar dalam Tamadun

- Islam: Satu Kajian Awal berkaitan Keperluan dan Impaknya. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vo. 9. No. 2 (2023): 1-13.
- Muhammad Hilmi Mat Johar, Khairul Azhar Meerangi, Farhat Nazirul Mubin Bohari & Aizul Mohd Ismon. (2021). Pengurusan Risiko Bencana Alam Berteraskan Maqasid Syariah : Satu Sorotan Literatur. *Jurnal 'Ulwan*. Jil. 6. Bil. 1. Pp. 191-201.
- Muslim, *Sah}i>h} Muslim, Kita>b al-Toha>rah, Ba>b Fad}l al-Wudu>*, no hadith 223. <https://www.prophetmuhammad.com/muslim/223>
- Muslim, *Sah}i>h} Muslim, Kita>b al-Qadr, Ba>b fi al-Amr bi al-Quwwah wa Tark al-'Ajz wa al-Isti'a>nah billa>h wa Tafwi>d} al-Maqa>dir lilla>h*, no hadith 2664. <https://www.prophetmuhammad.com/muslim/2664>
- Muslim, *Sah}i>h} Muslim, Kita>b al-S}ayd wa al-Z}aba>ih} wa ma> Yu'kal min al-Hayawa>n, Ba>b al-Amr bi lh}sa>n al-Z}abh} wa al-Qatl wa Tah}di>d al-Syafrah,* no hadith 1955. <https://www.prophetmuhammad.com/muslim/1955%20a>
- Saleh Hashim & Amalina Abdullah. (2019). Konsep Kelestarian dari Perspektif Islam Berbanding Pendekatan Moden dalam Melestarikan Negara. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*. Vol. 10. No. 1. Pp. 79-95.
- Seng Boon Lim & Jalaluddin Abdul Malek. (2020). Kerangka Konseptual Pembangunan U-City Ke Arah Mampan-Mapan. *Proceeding The 4th Postgraduate Research Seminar (POGRES 2020)*. https://www.researchgate.net/publication/346647119_Kerangka_konseptual_pembangunan_U-City_ke_arah_mampan-mapan